

MAKAN MALAM

... Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah RM Jasni berkenan menghadiri Majlis Makan Malam sempena Konvokesyen Ke-13 Universiti Malaysia Sabah (UMS) di salah sebuah hotel terkemuka di sini, malam Sabtu lalu. Pada majlis itu, Juhar menyampaikan anugerah dan pingat kepada lima graduan cemerlang universiti berkenaan. Hadir sama, Pro Canselor UMS, Tan Sri Dr Yeoh Tiong Lay, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh, Naib Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon serta pegawai-pegawai UMS. Kelihatan gambar atas Tun Juhar menyampaikan Anugerah Pingat Emas Alumni kepada Vanessa Clare, sementara gambar bawah Tun Juhar (tiga dari kanan), Toh Puan (empat dari kanan) memotong kek sempena Ulang Tahun ke-17 UMS.-Penerangan

